

16/08/2001

Pesawat CN 235 selamat mendarat di Pochentong

Mohd Zin Ali in Phnom Penh

PHNOM PENH, Rabu - Pesawat CN 235 yang menyertai ekspedisi Penerbangan Muhibah Asean 2001 selamat mendarat di Pangkalan Tentera Udara Pochentong di sini, hari ini.

Penerbangan empat jam yang membawa tujuh krew Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), lapan wartawan dan anggota ekspedisi penerbangan muhibah itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai, Hanoi, Vietnam dan mendarat di sini kira-kira jam 12 tengah hari (jam 1 tengah hari waktu Malaysia).

Sementara itu, dua pesawat eksperimental Zodiac Rakan Muda berlepas dari Vientiane, Laos menuju ibu negara Kemboja melalui Ubon Ratchathani, Thailand, pagi ini.

Pesawat 9M-ERA dan 9M-ERM yang dipandu Left Komander Mohamad Sabri Baharom dan Abdul Latiff Endot dengan dibantu pelatih penerbangan Rakan Muda, Mohd Razman Faizal Sulaiman dan Aziaton Masribut dijangka tiba di sini, kira-kira jam 5 petang ini (jam 6 waktu Malaysia).

Kordinator ekspedisi, Othman Harun, berkata dua pesawat eksperimental itu sepatutnya berlepas kira-kira jam 2 petang semalam, bagaimanapun gagal berbuat demikian kerana cuaca buruk.

"Sehingga jam 4 petang semalam, hujan lebat dan angin kencang menghalang kedua-dua pesawat itu berlepas dari Vientiane menuju Phnom Penh," katanya.

Sementara itu, majlis penyerahan watakah jemputan ke Sukan Sea XXI-Kuala Lumpur 2001 akan disampaikan utusan khas Malaysia, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Datuk Raja Ruslan Raja Samah yang mewakili Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein kepada wakil kerajaan Kemboja, esok.

Delegasi Kemboja akan menghantar 118 orang, termasuk 77 atlit yang menyertai 14 acara dalam Sukan Sea XXI yang diadakan di Kuala Lumpur, September ini.

Ekspedisi penerbangan muhibah masuk hari ke 11 hari ini, bertujuan mempromosikan Sukan Sea XXI di samping menyambut Hari Kemerdekaan ke-44.

Ekspedisi mengikut laluan Utara membabitkan perjalanan sejauh lebih 4,000 batu nautika melalui lima negara iaitu Myanmar, Laos, Vietnam, Kemboja dan Thailand, juga bertujuan mendedahkan anggota Rakan Muda Rekreasi Udara kepada cabaran dan semangat juang tinggi.

Penerbangan Muhibah Asean 2001 dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pangkalan TUDM Sungai Besi pada 14 Julai lalu.

(END)